

## **TABII PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA MEMUAT TURUN BAHAN INTERNET & IMPLIKASI PERUNDANGANNYA**

**Mohd Hamdan Adnan & Ong Siew Chin**

*Artikel ini mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi para pelajar pusat pengajian tinggi dalam memuat turun bahan dari Internet. Turut dikaji ialah pemahaman mereka terhadap isu ciplak dan pelanggaran hak cipta. Seramai 400 pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dipilih menjadi responden secara rambang. Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan dua versi set soal selidik dan dianalisis menggunakan aplikasi SPSS 20.0. Analisis yang dibuat termasuklah ujian deskriptif, kecenderungan memusat dan Korelasi Pearson. Penemuan kajian menunjukkan faktor persekitaran merupakan rangsangan utama responen untuk memuat turun sesuatu bahan. Ini turut didorong oleh kemudahan teknologi yang ada serta kemahiran mereka untuk berbuat demikian. Dapatan kajian mendapati bahawa tiada korelasi yang signifikan di antara pengetahuan terhadap undang-undang hak cipta dan kekerapan kegiatan muat turun. Penemuan juga menunjukkan bahawa aktiviti memuat turun berterusan walaupun diketahui bahawa ia menyalahi akta hak cipta dan ada yang berasa serba salah kerana bertentangan dengan prinsip dan nilai moral yang dipegang oleh responden berkenaan.*

**Kata Kunci:** Internet, muat turun, hak cipta, era teknologi informasi, pengguna, pembajakan digital

## **MALAYSIAN STUDENTS OF INSTITUTE OF HIGHER LEARNINGS' BEHAVIOUR TO DOWNLOAD INTERNET MATERIALS AND ITS LEGAL IMPLICATIONS**

*This article examined the various factors influencing students in Malaysia's Institute of higher learning with regards to their Internet downloading behavior. It also examined their understanding of the copyright infringement issues and plagiarism. The data is collected using questionnaires in both the National Language and English. It is analyzed using the SPSS 20.0 application and applying the descriptive test and the Pearson Correlation. The respondents are randomly selected comprising of 400 students. The study found that the factors influencing respondents downloading behavior include the environment they are in, the availability of the appropriate technology and its user friendly character. It also noted that the ethical and legal consideration is also a strong factor in determining students' downloading habits but most tend to ignore it by applying all kinds of justifications.*

**KEYWORDS:** Internet, download, copyright, information technology, consumer, digital piracy

## Pengenalan

Internet kini kian berperanan sebagai saluran utama untuk pengedaran maklumat dan hiburan kepada pengguna. Tanpa sempadan, Internet membolehkan pengguna untuk menghasilkan video, artikel dan muzik mereka sendiri dan berkongsikannya dengan khalayak global (Michael Kende, 2014: 93). Laporan global internet 2014 telah menunjukkan bahawa mengakses muzik atau lagu melalui Internet semakin popular pada sama ada melalui striming atau memuat turun muzik. Selain itu, lingkungan kandungan video yang boleh didapati dalam Internet kian meluas. Iaitu, dari video klip yang tujuh saat di Vine ke video pendek di YouTube. Kandungan filem yang lengkap juga boleh didapati dalam Internet dan boleh diakses dengan memuat turunkan filem tersebut.

Merujuk kepada statistik terkini yang dikemukakan oleh Miniwatts Marketing Group (2014), pengguna Internet di seluruh dunia telah mencapai angka sebanyak 2,802,478,934 orang setakat 31 Disember 2013 manakala menurut kepada Laporan Global Internet 2014 menunjukkan bahawa jumlah pengguna internet telah menjadi 2,893,587,260 setakat 10 Mei 2014 (sumber: [internetlivestats.com](http://internetlivestats.com)) dan dijangkakan bahawa jumlah pengguna internet di seluruh akan mencapai tiga billion pada awal tahun 2015. Pertumbuhan jumlah pengguna sebegini menunjukkan bahawa internet telah menduduk tempat yang semakin penting dan berat dalam kehidupan masyarakat hari ini.

Menurut kepada statistik penggunaan dan populasi internet global yang dikemukakan, pengguna internet telah meningkat sebanyak 676.3% iaitu meningkat dari jumlah 360,985,492 pada tahun 2000 kepada 2,802,478,934 pada tahun 2014. Peningkatan jumlah ini menunjukkan betapa pesatnya Internet berkembang di seluruh dunia dalam era teknologi digital ini. Jumlah pengguna internet kini dianggarkan sebanyak 39% daripada penduduk dunia.

Teknologi komunikasi digital yang canggih kini memudahkan pengguna Internet mendapatkan maklumat terkini dan segala yang mereka mahukan secara atas talian dengan mudah dan cepat jika tidak sertamerta atau spontan. "Peningkatan mendadak penggunaan komputer dan Internet mewujudkan fenomena penggunaan teknologi digital secara menyalahi undang-undang dan tidak beretika atau dikenali sebagai jenayah siber. Teknologi digital baru membolehkan pengguna menyertai dalam penggunaan, pengedaran dan penciptaan kandungan" (John Palfrey, Urs Gasser, Miriam Simun & Rosalie Fay Barnes, 2009: 80). Kegiatan memuat turun hasil karya dari laman web secara tidak meminta kebenaran merupakan salah satu kegiatan yang melanggar hak cipta. Begitu juga dengan kegiatan memuat naik atau mengongsi fail (*file sharing* ) hasil karya tersebut ke

laman web mahupun berkongsi dengan orang lain secara peribadi. Karya-karya yang terlindung di bawah hak cipta termasuklah karya dalam bidang sastera, muzik, seni, filem, rakaman bunyi, dll.

Fenomena memuat turun bahan dari Internet tanpa kebenaran pemegang hak cipta telah membentuk suatu norma sosial yang kurang atau tidak sihat. Contohnya, tanggapan orang ramai bahawa memuat turun muzik dan filem dari Internet adalah perkara biasa, tidak akan melanggar hak cipta serta bukannya kegiatan yang tidak beretika atau bermoral selaginya muzik dan filem yang dimuat turun tersebut tidak dikongsikan kepada orang lain dan hanya disimpan atau hanya kegunaan diri sendiri sahaja.

Fenomena muat turun dan salah tanggapan, serta kemudahan teknologi yang kian canggih dan maju membuat perlindungan hak cipta semakin mencabar. Di antara padahnya ialah jualan cekara padat atau CD serta bahan intelek dan kreatif lain kian merosot. Ini dijangka mampu memudaratkan perkembangan industri kreatif serta semangat para penggiatnya di mana sahaja.

Menurut Gerlich, Turner & Gopala (2007), kemerosotan jualan CD dalam pasaran adalah disebabkan oleh penggunaan perkongsian setara (*peer-to-peer sharing*) untuk berkongsikan lagu oleh individu yang semakin berleluasa. Ini tidak termasuk kegiatan sindiket cetak rompak yang kian bermaharaja lela di Malaysia. Kegiatan memuat turun secara haram yang tidak dapat dikawal juga menyumbangkan fenomena kemerosotan jualan CD dalam pasaran. Masalah ini terus meningkat walaupun pelbagai pihak terutamanya pihak pencipta dan syarikat asal berusaha mencari strategi untuk membasmikan atau mengurangkan kegiatan memuat turun secara haram ini.

Tahap keseriusan isu hak cipta yang semakin diabaikan atau tanpa disedari oleh pengguna, khasnya di kalangan anak muda telah mencetuskan pendapat atau tanggapan umum yang menunjukkan bahawa sebarang yang terdapat di Internet adalah domain awam dan boleh diambil tanpa kebenaran daripada pencipta atau pemiliknya (Rosniwati Nasir, Vanitha Ponnusamy & Kaw May Lee, 2007).

Kemudahan teknologi kini memudahkan pengguna teknologi digital memperolehi pelbagai maklumat yang terkini dan yang dimahukan sama ada untuk pengetahuan, ilmu atau hiburan dalam ruangan siber. Kebebasan dan kemudahan yang terdapat dalam Internet telah menyebabkan para pengguna menggunakan dengan mengabaikan atau tidak mengambil berat terhadap mana-mana undang-undang siber yang sedia ada ke atas segala aktiviti atas talian terutamanya hak cipta.

Maka, adalah jelas bahawa fenomena ini merupakan cabaran dan masalah besar yang sedang dihadapi dalam memperjuangkan perlindungan hak cipta terhadap karya yang

terdapat di atas talian serta industri seni dan kreatif itu sendiri. Dikhawatir ialah para pengguna akan mengabaikan hak cipta karyawan mahupun pengusaha lalu menjelaskan perkembangan industri seni dan kreatif.

Namun begitu, fenomena ini serta transformasi dan perkembangan pesat teknologi digital kini telah mencetuskan pelbagai pemerhatian, perbincangan dan kebimbangan terhadap karya-karya yang mudah didapati dalam media massa, khasnya atas talian. Sambungan Internet yang kian berkelajuan tinggi dan kuasa teknologi pengkomputeran yang semakin hebat, tren pembajakan bahan digital yang semakin pesat meningkat akan hanya membuat isu hak cipta kian kritikal yang perlu dicarikan penyelesaiannya secepat mungkin supaya semua pihak terlibat mampu mendapatkan manfaat yang saksama serta menyelamatkan industri seni dan kreatif.

### **Pelanggaran Hak Cipta & Cetak Rompak**

Isu perlenggaran hak cipta dan cetak rompak yang kian kritikal memang sepatutnya meningkatkan kerunsingan terhadap strategi-strategi yang perlu dibentuk segera demi menanggаниya secara berkesan dan lestari untuk kebaikan semua pihak. Ia bukan sepatutnya hanya dari pengkarya, syarikat pengeluar atau kerajaan tetapi juga daripada pengguna. Ini kerana jika industri seni tidak terbela dan merugikan ataupun pulangannya tidak berbaloi kurang penggiat kreatif akan terlibat dalamnya. Sudah pasti ini akan mengakibatkan ketandusan bahan seni serta menjelaskan pekembangan industri seni dan kreatif. Ini akan pasti merugikan semua pihak yang termasuk pengguna dan negara.

Pembajakan digital adalah tindakan membuat salinan atau memuat turun perisian dan media fail yang dilindungi hak cipta. Isu pembajakan digital semakin berleluasa disebabkan oleh kemajuan dan pengembangan Internet yang pesat serta kelajuan aksesnya. Menurut Husted (2000), ilmu dan maklumat adalah faktor ekonomi negara yang semakin penting pada hari ini berbanding dengan aset fizikal tradisional sebelum ini yang menunjukkan kesejahteraan ekonomi. Menurut Dolfsma (2007) pula, dari segi ekonomi, barang maklumat adalah barang awam dan tidak dikecualikan, berbanding dengan barang fizikal. Orang ramai mempertimbangkan maklumat perlu ditawarkan dengan percuma dan menolak sebarang batasan atau larangan kepada aktiviti menyalin dan mengedarkan fail melalui Internet (Mawhood & Tysver, 2000).

Suatu laporan perlindungan hak cipta Kerajaan Malaysia 2015 menunjukkan bahawa isu ini akan bertambah buruk di negara ini. Menurut laporan tersebut Rangkaian Internet yang laju dan luas telah menyebabkan isu perlenggaran hak cipta atas talian semakin meningkat di Malaysia. Ia adalah disebabkan pandangan tersebut dipengaruhi oleh norma

sosial atau kehidupan persekitaran. Kaum muda akan membentuk pemikiran seperti semua orang buat sebegini, mengapa saya tidak?

### **Pendapat Kaum Muda Terhadap Etika Memuat Turun**

Pelajar atau kaum muda merupakan golongan yang jarang mempunyai pendapatan sendiri. Sebaliknya, harga bahan digital yang sah sama ada dalam pasaran atau atas talian adalah sangat mahal dan tidak berbaloi bagi mereka. Kaum muda juga resminya tidak berkemampuan untuk membeli software atau CD dan DVD yang sah. Bagaimanapun, kaum muda kini cukup terdedah kepada bahan dalam Internet serta sangat mahir menggunakananya sehingga tercetus istilah "anak kelahiran digital".

"Anak kelahiran digital kini adalah merujuk kepada kaum muda yang membesar dalam dunia digital yang mempunyai kemudahan akses kepada teknologi dan kemahiran untuk menggunakananya dengan cara yang canggih. Mereka juga merupakan golongan yang kerap berhadapan dengan undang-undang hak cipta" (John Palfrey et al., 2009: 79). Pelajar atau individu dalam umur kolej adalah pengguna yang amat penting dalam hak cipta (Marc F. Bellemare & Andrew M. Holmberg, 2009: 2).

Maka, tidak hairanlah bahawa "kaum muda merupakan golongan pengguna yang terbesar dalam dunia siber pada era teknologi digital sekarang. Perkongsian rakan setara (*peer-to-peer file sharing* ), penggunaan media sosial *YouTube* , *iTunes*, dan sebagainya merupakan kegiatan yang sering dijadikan hala tuju utama kepada penyelidik dalam mengkaji isu pelanggaran hak cipta dan isu memuat turun bahan digital di kalangan pemuda atau pelajar" (Marc F. Bellemare & Andrew. M. Holmberg, 2009, 3).

Selain daripada karya muzik seperti lagu, karya filem seperti yang dikajikan oleh John Palfrey (2006), karya sastera juga merupakan karya yang dilindungi di bawah akta hak cipta seperti mana yang dikajikan oleh Chidi Deborah Isiakpona (2012). Hasil kajian tersebut mendapati bahawa kebanyakan pelajar IPT melanggar undang-undang hak cipta melalui membuat salinan atau fotokopi ke atas buku-buku. Faktor utama yang menyebabkan pelajar IPT berbuat sedemikian adalah kos membeli buku tersebut terlalu tinggi dan juga disebabkan oleh tiada ketersediaan buku tersebut atau tidak cukup dalam pasaran.

Pula, sering diandaikan bahawa kaum muda kini cenderung dalam mengabaikan prinsip moral terhadap pembajakan bahan digital atau melakukan tingkah laku yang menyalahi undang-undang siber terutamanya undang-undang hak cipta. Ini adalah mungkin disebabkan mereka tidak sedar akan hukuman yang akan diadakan oleh menyalahi undang-undang hak cipta kerana ia adalah jarang dinyatakan dan berlakunya seseorang didakwa atau dihukum atas kesalahan memuat turun. Ini menyebabkan pengguna muda Internet

kini cenderung untuk mengabaikan prinsip moral yang harus dipegang dalam penggunaan teknologi.

Seterusnya, kajian oleh Chang Liu (2009) yang berkaitan dengan kegiatan pembajakan muzik dan memuat turun secara haram antara pelajar Cina yang berada di Netherlands menunjukkan bahawa sebanyak separuh pelajar atau 51.2% menyatakan melibatkan diri dalam kegiatan memuat turun secara percuma adalah tidak salah dari segi moral dan mereka tidak akan berasa bersalah apabila memuat turun secara percuma. Hasil kajiannya turut menunjukkan bahawa tidak ada pelajar yang menyatakan ‘sangat setuju’ terhadap kenyataan ‘Saya rasa memuat turun secara percuma adalah menyalahi undang-undang’.

Pula, menurut hasil kajian-kajian lain mendapati bahawa tahap kesedaran pelajar terhadap perlindungan hak cipta karya-karya adalah tinggi namun pengetahuan dan pemahaman mereka terhadap bentuk dan konsep perlindungan hak cipta adalah rendah (John Palfrey et al., 2009; Chidi Deborah Isiakpona, 2012; Leone Woodcock, 2000). Misalnya, kajian Chidi Deborah Isiakpona (2012) terhadap persepsi pelajar mengenai perlanggaran hak cipta di Universiti Ibadon menunjukkan bahawa tahap kesedaran adalah tinggi namun pengetahuan mereka terhadap peruntukan hak cipta ke atas penggunaan bahan sastera adalah rendah.

Manakala kajian John Palfrey (2009), menunjukkan bahawa antara 69 orang pelajar yang dikaji, 84% daripada jumlah 69 orang mengatakan mereka memahami apa yang dimaksudkan dengan hak cipta namun huraian mereka kepada definisi hak cipta adalah tidak tepat ataupun hanya tepat sebahagian sahaja. Kebanyakan pelajar mengelirukan hak cipta dengan plagiarisme atau perlindungan paten. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pelajar adalah kurang ilmu, pengetahuan dan pemahaman tentang penggunaan saksama (*fair use*) yang terdapat dalam perlindungan hak cipta.

Kajian tersebut juga mendapati bahawa pelajar akan keliru dengan perbezaan antara keizinan secara teknikal dan keizinan secara undang-undang. Contohnya mereka akan menganggapkan bahawa menonton sesuatu video yang didapati dan dipaparkan dalam media sosial seperti YouTube secara atas talian adalah sah dan tidak melanggar undang-undang namun mereka tidak memahami dan tidak sedar bahawa kandungan hak cipta yang boleh didapti atas talian seperti YouTube kebanyakannya adalah tidak sah dan melanggar undang-undang.

Selain itu, mereka juga kurang sedar akan faktor menyebabkan mereka mempunyai tingkah laku sedemikian. Sebenarnya mereka menyedar akan tindakan mereka dalam menggunakan, memuat turun, berkongsikan sebarang kandungan yang dilindungi oleh hak

cipta adalah menyalahi undang-undang namun mereka masih akan teruskan tindakan tersebut (John Palfrey et al., 2009: 80).

Maka, kajian ini menumpu kepada kegiatan golongan muda dalam memuat turun karya muzik dan filem sahaja. Ini kerana banyak kajian kebelakangan ini menunjukkan bahawa golongan muda kini yang paling ramai memuat turun bahan dari Internet.

Andaian yang sering dibuat ialah kebanyakan pengguna muda sedar akan hak cipta melindungi karya-karya yang boleh didapati dalam Internet. Namun begitu, kesedaran mereka adalah setakat pengetahuan asas sahaja. Lumrahnya, mereka keliru terhadap konsep hak cipta serta kekurangan pengetahuan dan pemahaman terhadap penggunaan yang dibenarkan di bawah sebarang had dan pengecualian undang-undang hak cipta (John Palfrey et al., 2009: 84). Tahap kesedaran pengguna muda terhadap perlindungan dan undang-undang hak cipta terhadap muzik dan filem yang mudah didapati serta dimuat turun dari Internet lazimnya dianggap tinggi. Namun begitu, padah melanggarinya resminya kurang ditekankan.

### **Objektif & Kaedah Kajian**

Kajian ini dijalankan utamanya adalah untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi pelajar IPT memuat turun bahan digital (terutamanya muzik dan filem) dari dan dalam Internet. Tiga objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- I. Untuk mengenalpasti faktor yang membimbang pelajar IPT memuat turun bahan digital.
- II. Untuk mengetahui kesedaran, pemahaman dan sikap pelajar IPT terhadap perlindungan hak cipta.
- III. Untuk mengumpulkan cadangan terhadap cara yang sesuai dan berkesan untuk menyampaikan pengetahuan tentang hak cipta kepada golongan muda.

Tiga matlamat ini adalah berdasarkan kepada lima hipotesis berikut:

- H<sub>1</sub>. Faktor persekitaran atau luaran (iaitu pendapatan pelajar dan kemudahan internet) merupakan dorongan utama kepada pelajar IPT memuat turun bahan digital secara haram.
- H<sub>2</sub>. Terdapatnya kolerasi antara pengetahuan terhadap undang-undang hak cipta dan kekerapan memuat turun bahan digital.

- H<sub>3</sub>. Pelajar IPT mempunyai keupayaan yang tinggi untuk memuat turun bahan digital yang diingini secara haram.
- H<sub>4</sub>. Tindakan memuat turun akan diteruskan walaupun diberitahu kegiatan tersebut adalah menyalahi undang-undang hak cipta.
- H<sub>5</sub>. Tindakan memuat turun akan diteruskan walaupun berasa salah dan ia adalah bertentangan dengan pegangan prinsip dan moral sendiri.

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam proses pengumpulan dan memperolehi data untuk dianalsis. Responden adalah pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) atau kolej-kolej yang terdapat di Malaysia. Responden adalah berusia 18 tahun ke atas dan pelajar IPT.

Sampel kajian ialah seramai empat ratus (400) orang sahaja. Jumlah ini sudah mencukupi kerana mengikut jadual penentuan saiz sampel yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970), 384 sampel kajian sudah mencukupi untuk populasi seramai 250,000 ke 300,000,000 orang, dalam kes ini jumlah pelajar IPT Malaysia.

Kategori pembolehubah bagi profil demografi ialah jantina, etnik, agama, umur, jenis institusi pengajian dan nama institusi pengajian. Dari segi kategori jantina, kaum wanita berjumlah 55.3% atau 221 orang dan lelaki adalah seramai 119 orang atau 44.8%.

Dari segi kategori etnik, 196 responden atau 49% adalah pelajar Cina. Ini diikuti oleh responden Melayu seramai 112 pelajar atau 28%, pelajar India seramai 40 orang atau 10% dari jumlah keseluruhan. Bakinya adalah terdiri dari pelajar Dusun, Bugis, Punjabi, Murut, Iban, Bajau dan kaum-kaum kecil Malaysia yang lain (rujuk kepada lampiran 1). Pemecahan etnik tidak mencerminkan komposisi penduduk Malaysia memandangkan jawapan kepada soalselidik adalah cara sukarela.

Bagi kategori agama, responden Buddhist adalah terbanyak dalam kajian ini iaitu sebanyak 164 orang atau 41%. Ini diikuti oleh Muslim seramai 29.8% atau 119 orang, dan Kristian seramai 75 orang atau 18.8%. Bakinya ialah 37 Hindu atau seramai 9.3%, dan lima orang atau 1.3% mengaku sebagai kepercayaan bebas atau beragama tradisional. Pemecahan agama adalah hampir mencerminkan komposisi responden. Misalnya, majoriti kaum Cina adalah beragama Buddhist dan hampir semua etnik Melayu, Bajau dan Bugis ada Muslim.

Dari segi kategori umur, seramai 49.5% responden adalah berusia di antara 23 tahun hingga 25 tahun, 36.5% berumur 20 tahun hingga 22 tahun, 13.8% berumur 19 tahun ke bawah, dan hanya seorang atau 0.3% adalah berumur 26 tahun.

Seramai 73.2% atau 293 responden adalah pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan bakinya seramai 26.8% atau 107 pelajar menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTA).

Subjek kajian ini adalah terdiri dari 49 buah universiti dan kolej di Malaysia. Majoriti respondennya terdiri dari pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), iaitu sebanyak 108 orang atau 27%. Ini diikuti oleh Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) seramai 39 orang atau 9.8%.

Kajian ini menggunakan kemudahan “Borang Google” (*Google form*) untuk menyediakan instrumen tinjauan dan diedar menggunakan media sosial. Responden boleh mengisi soal selidik dan menghantar secara atas talian. Ini telah memudahkan proses pengumpulan maklum balas responden dan menjimatkan kos penyelidikan.

Teknik persampelan yang digunakan adalah secara rawak mudah. Kaedah ini dipilih kerana pengkaji mahu mendapatkan responden dari populasi secara rawak tanpa mengambil kira strata (tingkatan) yang ada dalam kalangan populasi.

Soal selidik dipilih sebagai instrumen kajian kerana ia mudah ditadbir dan data mudah diperolehi serta senang diproses untuk dianalisis dan mengandungi beberapa konstruk. Pembinaan instrumen soal selidik adalah berdasarkan panduan dari kajian-kajian lepas yang berkaitan dan penggubalan item-item instrumen soal selidik yang dibuat. Dalam proses penggubalan item-item instrumen soal selidik, pengkaji telah melibatkan tiga (3) orang untuk memastikan kesahan muka (*face validity*) dan menggunakan program SPSS untuk memastikan kesahan konstruk (*construct validity*) instrumen kajian.

Borang soal selidik menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Ini supaya responden boleh memilih versi bahasa yang mereka mudah faham dan biasa. Soalan telah disusun mengikut bahagian tertentu bagi memudahkan proses soal selidik dijalankan secara berurutan dan sistematik. Set soal selidik kajian ini mengandungi empat (4) bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat Asas Responden, Bahagian B: Pengetahuan terhadap Hak Cipta & Sikap terhadap Kegiatan Memuat Turun, Bahagian C: Tingkah Laku Memuat Turun, dan Bahagian D: Pendapat Terhadap Memuat Turun Secara Haram.

Satu kajian rintis telah dibuat sebelum soal selidik yang sebenar diedarkan kepada responden melalui internet. Dalam kajian rintis ini, soal selidik telah diedarkan kepada 10 orang pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) secara rawak. Pembetulan dan pengubahsuaian telah dibuat pada soalan yang tidak sesuai dan tidak difahami oleh responden. Analisis soal selidik tersebut mendapati bahawa nilai kepercayaan yang tinggi diperolehi, iaitu alpha = 0.781

Semua data tinjauan telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package Social Science* (SPSS) for *Windows* versi 20. Ujian deskriptif digunakan untuk melaporkan peratusan dan frekuensi bagi setiap soalan soal selidik. Selain itu, data yang dikutip telah dianalisiskan dengan min dan median untuk mengetahui faktor yang memberikan pengaruh yang besar kepada kegiatan pelajar IPT memuat turun bahan digital. Di samping itu, ujian korelasi juga digunakan untuk melihat hubungan pembolehubah-pembolehubah kajian sama ada hubungan tersebut adalah signifikan atau sebaliknya.

### **Penemuan Tabii Memuat Turun Pelajar IPT Malaysia**

Dari segi kekerapan memuat turun bahan dari Internet yang paling ramai ialah beberapa kali sebulan, iaitu 38.8% (155 pelajar). Ini diikuti dengan lebih daripada sekali dalam seminggu sebanyak 33.8% (135 pelajar), seminggu sekali sebanyak 12.5% (50 pelajar), beberapa bulan sekali sebanyak 11.3% (45 pelajar), dan baiknya 3.8% (15 pelajar) sebulan sekali. Umumnya, boleh dirumuskan bahawa para pelajar di IPT Malaysia memang kerap memuat turun bahan dari Internet.

Dari segi pendapat mereka terhadap undang-undang hak cipta atau etikanya hampir setengah responden menyatakan mereka tidak pasti, iaitu seramai 41.8% atau 167 pelajar. Ini diikuti dengan 32.8% atau 131 yang tidak setuju terhadap undang-undang hak cipta dan 9% sangat tidak setuju. Hanya 12.5% bersetuju dan 4% sangat setuju terhadap kewujudan hak citpa dan etika muat turun.

Penemuan ini sudah pasti mencetuskan kebimbangan terhadap pematuhan akta hak cipta bukan sahaja di kalangan anak muda di masa depan tetapi juga bagi mereka yang lebih dewasa kerana yang muda akan meningkat usia manakala kanak-kanak akan menjadi golongan muda. Jika majoriti menggunakan Internet tidak menghormati dan mematuhi akta hak cipta maka industri kreatif akan terjejas. Maka, apa yang cukup jelas ialah keperluan untuk mendidik dari kecil untuk mematuhi akta cipta dan beretikan menggunakan Internet.

Dari sudut kepentingan isu pembajakan yang paling ramai ialah yang menganggapnya penting, iaitu sebanyak 41.8% (167 responden), manakala 33.8% (135 responden) merasakan bahawa kepentingannya adalah sederhana sahaja. Hanya, 13.3% (53 responden) berpendapat isu pembajakan adalah sangat penting. Disebaliknya, hanya 7.5% (30 responden) berpendirian ia tidak penting dan baiknya 3.8% (15 responden) sangat tidak penting. Umumnya, bolehlah dikatakan bahawa 88.9% responden menganggap isu pembajakan sebagai penting sama ia sederhana penting, penting atau sangat penting. Segelintir sahaja responden lebih kurang 11% tidak menganggap isu pembajakan selaku tidak penting atau sangat tidak penting. Ini bermakna majoriti

responden masih memikirkan mengenai etika pembajakan dan pematuhan akta hak cipta. Juga, ia bererti bahawa jika pendidikan mengenai kepentingan mematuhi hak cipta dan etika muat turun dibuat secara berkesan bahawa pelanggarannya mampu dibendung.

Mengenai soalan sama ada memuat turun bahan dari Internet secara percuma adalah menyalahi undang-undang, respons teramai ialah tidak pasti, iaitu sebanyak 36.3% (145 responden). Responden yang bersetuju ialah 19.5% (78 responden) dan sangat setuju 7% (28 responden). Sebaliknya, yang tidak setuju ialah 23.5% (94 responden) dan sangat tidak setuju ialah 13.8% (55 responden). Penemuan ini menunjukkan bahawa pendidikan mengenai perundangan dan etika muat turun cukup diperlukan di Malaysia. Bagaimanapun, keadaannya adalah lebih baik daripada penemuan Chang Liu (2009) yang mendapati seramai 51.2% respondennya

Dari kenyataan "Pertimbangan untuk berhenti melakukan kegiatan memuat turun kerana memuat turun adalah menyalahi undang-undang" jawapan terbanyak ialah "Saya akan mempertimbangkan", iaitu sebanyak 39% (156 responden) dengan 12.8% (51 responden) menyatakan mungkin dan hanya 5% (20 responden) menyebut berkemungkinan tinggi. Lebih kurang 57% responden mengaku mereka mungkin mempertimbangkan berhenti untuk memuat turun jika kegiatan tersebut melanggar perundangan. Sebaliknya, yang mengaku mungkin tidak ialah 21.8% (87 responden) dan kemungkinan besar tidak ialah 21.5% (86 responden) walaupun kegiatan memuat turun tersebut melanggari undang-undang. Adalah jelas seramai 43.3% responden tanpa segan silu mengakui mereka akan terus bergiat memuat turun walaupun diberitahu kegiatan tersebut adalah menyalahi perundangan hak cipta. Ini membuktikan hipotesis 4 kajian ini ada kebenarannya. Positifnya adalah lebih ramai, iaitu 46.7% menyatakan mereka akan mempertimbangkan untuk berhenti membuatnya jika ia jelas melanggari perundangan hak cipta.

Respons teramai daripada kenyataaan "Bahan dari Internet harus dibenarkan untuk memuat turun secara percuma" ialah setuju, iaitu sebanyak 37.8% (151 responden), diikuti dengan sangat setuju seramai 26.5% (106 responden) dan sederhana setuju yang berjumlah 25.3% (101 responden). Responden yang tidak setuju adalah seramai 8.5% (34 responden) dan yang sangat tidak setuju sebanyak 2% (8 responden). Mengapa mereka tidak setuju tidak pula diperjelaskan walaupun ia memberi faedah yang besar kepada para pelajar IPT.

### **Faktor mempengaruhi tabii memuat turun pelajar IPT**

Lazimnya, empat faktor utama diandaikan mempengaruhi tabii memuat turun bahan Internet pelajar IPT Malaysia. Iaitu, faktor ekonomi atau pendapatan, faktor kemudahan teknologi, faktor kemampuan untuk memuat turun dan faktor moral atau prinsip yang secara keseluruhan melibatkan faktor persekitaran dan faktor peribadi.

Dari segi harga CD dan DVD seramai 33% (134 pelajar) merasakan ianya mahal dan 23% (92 pelajar) menganggap bahan tersebut sangat mahal. Seramai 33% (132 pelajar) merasakan harga CD dan DVD adalah sederhana. Responden yang menyatakan ia murah ialah 6.5% (26 pelajar) dan 4% (16 pelajar) mengakuinya sebagai sangat murah. Jelas bahawa 56% (226 responden) merasakan harga CD dan DVD adalah mahal atau sangat mahal. Seramai 10.5% responden merasakan ia murah atau sangat murah. Dalam kes ini tidak diketahui sama ada ia merujuk kepada bahan CD dan DVD tulen atau tiruan. Ini memandangkan bahawa bahan cetak rompak CD dan DVD adalah dianggap meleluasa.

Dari segi kesanggupan membayar untuk mendapatkan sesuatu bahan digital reaksi tertinggi ialah "akan mempertimbangkan", iaitu sebanyak 29.8% (119 pelajar). Responden yang menyatakan "mungkin tidak" ialah 26% (104 pelajar) dan "kemungkinan besar tidak" ialah 16.2% (65 pelajar). Pula, responden yang mengakui akan mungkin membeli ialah 20.5% (82 pelajar) dan mungkin besar membeli ialah 7.5% (30 pelajar). Jelas jumlah responden yang mahu membeli bahan CD dan DVD ialah hanya 28% dan yang akan mempertimbangkan ialah seramai 29.8%. Ini bererti bahawa tabii pengguna muda ini terhadap pembelian bahan CD dan DVD boleh menjelaskan industri tersebut selain daripada menghadapi masalah cetak rompak yang sangat mencabar.

Respons tertinggi terhadap kenyataan "Pendapatan akan mempengaruhi tindakan memuat turun" ialah kesannya adalah sederhana, iaitu 34.8% (139 pelajar). Manakala, responden yang setuju ialah 28.3% (113 pelajar) dan sangat setuju 16.5% (66 pelajar). Sebaliknya, 11.8% (47 pelajar) tidak setuju dan 8.8% (25 pelajar) sangat tidak setuju bahawa pendapat akan mempengaruhi tindakan memuat turun pelajar.

Jawapan untuk kenyataan "Kesanggupan membeli sekiranya media (CD dan DVD) berharga lebih rendah" paling ramai menyatakan "mungkin", iaitu 34.5%, diikuti oleh respons "akan mempertimbangkan" seramai 32.3% dan 19.3% berkemungkinan tinggi" akan membeli sekira bahan media berkenaan murah harganya. Responden yang mengaku "mungkin tidak" ialah 7% dan "kemungkinan besar tidak" ialah juga 7%. Ini menunjukkan bahawa jika harga bahan media di pasaran adalah sederhana atau rendah pasarannya sudah pasti meningkat dan mungkin besar masalah cetak rompak turut menurun.

Reaksi tertinggi kepada kenyataan "Kemudahan Internet memudahkan mendapat bahan digital yang diingini dan digemari" ialah setuju sebanyak 42.5% dan diikuti oleh sangat setuju seramai 39.8%. Responden yang kurang setuju ialah 11.5%, tidak setuju 5.3% dan sangat tidak setuju 1%. Jelaslah, majoriti responden, iaitu seramai 82.3% mengakui bahawa Internet memudahkan mendapat bahan digital. Ini bererti pelajar IPT Malaysia umumnya bukan sahaja menghargai kehadiran kemudahan Internet tetapi menggunakan secara optimum.

Respons terhadap kenyataan "Kemudahan teknologi memudahkan memuat turun bahan digital" adalah hampir sama dengan kenyataan "Kemudahan Internet memudahkan mendapat bahan digital yang diingini dan digemari". Terbanyak ialah yang "sangat bersetuju", iaitu 40.8%. Ini diikuti oleh "setuju" seramai 38.8%. Manakala, responden yang "kurang setuju" ialah 17.5%, "tidak setuju" 2.5% dan "sangat tidak setuju" ialah 0.5%.

Bagi kenyataan "Internet penuh dengan sumber yang boleh dimuat turun" responsnya adalah menyokong dua kenyataan sebelumnya. Iaitu, pendapat terbanyak responden yang bersetuju ialah 40.3% dan yang sangat setuju ialah 37.5%. Sebaliknya, jumlah responden yang kurang setuju ialah 17.0%, tidak bersetuju 4.3% dan sangat tidak bersetuju 0.5%. Respons ini membayangkan resminya majoriti responden merasakan faedah Internet kepada mereka selaku pengguna muda dan mereka mengoptimalkan penggunaannya.

Bagi kenyataan "Kemampuan diri untuk memuat turun" sebanyak 39% responden bersetuju dengannya dan diikuti dengan sangat setuju, iaitu seramai 26.3%. Sebaliknya, responden yang kurang setuju ialah 28%, tidak setuju 6% dan sangat tidak setuju 0.8%. Respons ini juga hampir sama dengan ketiga-tiga reaksi responden sebelumnya. Seramai 65.3% responden merasa yakin terhadap kemampuan diri untuk memuat turun bahan dari Internet.

Namun begitu, dari segi kemahiran memuat turun bahan dari Internet seramai 34.3% mengaku bahawa keupayaan mereka adalah sederhana, 25.5% merasakan sengan dan 22.3% sangat senang. Hanya, 14% responden merasa ianya susah dan 4% sangat susah. Maka, jelas bahawa usaha untuk meningkatkan kemahiran memuat turun bahan dari Internet harus dipertingkatkan bagi memastikan pelajar IPT kita mampu menggunakan Internet dengan kemahiran dan keyakinan.

Respons bagi kenyataan "Pemilikan sumber yang diperlukan untuk memuat turun bahan digital" seramai 42.5% responden mengakui milikinya, dan 17.3% sangat setuju. Responden yang kurang setuju ialah seramai 30.3%, tidak setuju 8.5% tidak setuju dan 1.5% sangat tidak setuju. Pendapat responden yang agak negatif sebanyak 40.7% ini

menunjukkan bahawa usaha yang lebih harus dicari oleh pihak berkuasa bagi memastikan kesemua pelajar IPT Malaysia mampu memiliki peralatan membolehkan mereka memuat turun bahan dari Internet.

Respons dari kenyataan "Kemampuan mencari bahan digital untuk dimuat turun dengan keinginan sendiri" mendapati sebanyak 48.3% responden bersetuju dengannya dan 18.5% sangat bersetuju. Responden yang kurang bersetuju ialah 21.3%, tidak bersetuju 11.5% dan 0.5% sangat tidak bersetuju.

Reaksi bagi kenyataan "Jika merasa serba salah akan menghentikan kegiatan memuat turun" mendapati 35.5% responden kurang bersetuju, 25.5% tidak bersetuju dan 18% sangat tidak bersetuju. Responden yang bersetuju ialah 16% dan sangat bersetuju hanya 5%. Adalah jelas majoriti responden, iaitu 79% berkemungkinan tidak menghentikan kegiatan memuat turun walaupun merasa serba salah.

Respons bagi kenyataan "kegiatan memuat turun akan diteruskan walaupun ia adalah bertentangan dengan prinsip" mendapati 39% responden kurang setuju, 25.8% tidak bersetuju dan 18% sangat tidak bersetuju. Responden yang bersetuju ialah 11.5% dan sangat setuju ialah 5.8%. Penemuan ini menunjukkan bahawa 78.8% responden akan menghentikan memuat turun jika bercanggah dengan prinsip mereka. Ini agak bercanggah dengan kenyataan sebelumnya yang 79% akan meneruskan kegiatan memuat turun walaupun merasa serba salah dengannya.

Respons bagi kenyataan "Kegiatan memuat turun akan diteruskan walaupun ia adalah salah dari segi moral" mendapati 38.5% responden kurang bersetuju, 9.5% tidak bersetuju dan 6.3% sangat tidak bersetuju. Sebaliknya, 33.8% responden bersetuju dan 12% sangat bersetuju. Penemuan ini menunjukkan bahawa 54.2% responden mungkin menghentikan memuat turun, manakala 45.8% akan meneruskannya walaupun ia adalah salah dari segi moral. Penemuan dan yang sebelumnya membuktikan kebenaran Hipotesis 3 ( $H_3$ ): Pelajar IPT mempunyai keupayaan yang tinggi untuk memuat turun bahan digital yang diingini secara haram

Respons bagi kenyataan "Kegiatan memuat turun secara haram harus dikenakan hukuman" mendapati 36.5% responden kurang setuju, 21.5% tidak bersetuju dan 20.3% sangat tidak bersetuju. Responden yang bersetuju ialah 17.3% dan sangat bersetuju 17.3%. Penemuan ini membimbangkan kerana majoriti pengguna merasakan suatu kegiatan haram boleh dihalalkan, iaitu seramai 78.2% berpendapat kegiatan memuat turun secara haram tidak harus dikenakan hukuman. Hanya, 21.8% responden yang menyatakan bahawa kegiatan haram berkenaan harus dihukum. Dalam hal ini pihak IPT berperanan

penting untuk memastikan pelajar mereka mematuhi perundangan yang berkaitan dengan memuat turun bahan dari Internet.

Respons daripada kenyataan "Mendapatkan keizinan dan kebenaran dari pemilik hak cipta untuk memuat turun karya mereka" mendapati 36% responden bersetuju dan 12% sangat bersetuju. Responden yang kurang bersetuju ialah 32.5%, tidak setuju 13.3% dan sangat tidak bersetuju 6.3%. Ini bererti responden yang mempertimbangkan untuk mendapatkan keizinan 48% dan menolaknya 52%. Sudah tentu ini adalah keadaan yang membimbangkan dan pihak berkuasa harus meningkatkan pendidikan untuk mengubah sikap negatif tersebut.

Reaksi dari kenyataan "Memberikan sokongan sepenuh kepada kerajaan terhadap segala tindakan terhadap kegiatan memuat turun secara haram" mendapati 32.5% responden kurang bersetuju, 19.3% tidak bersetuju dan 20.5% sangat tidak bersetuju. Responden bersetuju ialah 21.8% dan 6% sangat bersetuju. Memandangkan bahawa majoriti responden, iaitu 72.2% enggan memberi sokongan terhadap usaha kerajaan membentras kegiatan memuat turun secara haram dan hanya 27.8% yang sanggup ini sudah pasti mencetuskan suasana negatif bagi mematuhi etika dan hak cipta.

## Kesimpulan

Penemuan kajian membuktikan bahawa hipotesis 1 ( $H_1$ ): Faktor persekitaran atau luaran (sama ada faktor ekonomi atau kemudahan internet) merupakan dorongan utama kepada pelajar IPT memuat turun bahan digital secara haram memang ada kebenarannya. Sekiranya berbanding antara faktor kemudahan teknologi dengan faktor keupayaan diri boleh mendapati bahawa faktor kemudahan teknologi dan internet telah banyak menyumbang dalam mendorong pelajar IPT memuat turun bahan digital secara percuma dan menyalahi undang-undang hak cipta. Kemudahan teknologi mendapatkan nilai min yang paling tinggi (min = 4.17, median = 5.00) dan kemudahan teknologi adalah berada di bawah kategori faktor persekitaran. Maka, hipotesis kajian adalah boleh diterima, iaitu faktor persekitaran merupakan dorongan utama kepada pelajar IPT memuat turun bahan digital.

Penemuan ini menunjukkan bahawa Hipotesis 2 ( $H_x$ ), iaitu terdapatnya kolerasi antara pengetahuan terhadap undang-undang hak cipta dan kekerapan memuat turun bahan digital adalah tidak begitu kukuh. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapatnya

perbezaan korelasi yang signifikan antara pengetahuan terhadap undang-undang hak cipta dan kekerapan subjek kajian memuat turun bahan digital.

Faktor persekitaran merupakan dorongan utama kepada responden memuat turun bahan digital secara percuma dan haram. Pelajar IPT mempunyai keupayaan yang tinggi untuk memuat turun bahan digital yang diingini secara haram dengan kemudahan teknologi yang ada pada hari ini. Tindakan memuat turun akan diteruskan walaupun diberitahu kegiatan tersebut adalah menyalahi undang-undang hak cipta dan juga walaupun berasa serba salah serta bertentangan dengan prinsip dan nilai moral yang dipegang oleh diri sendiri.

Secara kesimpulannya, kemudahan teknologi (faktor persekitaran) merupakan faktor yang utama dalam mempengaruhi kegiatan memuat turun secara berleluasa di kalangan pelajar pada hari ini. Namun begitu, tidak terdapatnya signifikan antara pengetahuan terhadap undang-undang hak cipta dan kekerapan pelajar memuat turun. Selain itu, faktor keupayaan dan kebolehan pelajar dalam menggunakan teknologi untuk memuat turun adalah faktor yang kedua kepada mempengaruhi mereka mempunyai kegiatan memuat turun. Walaupun diberitahu memuat turun secara percuma adalah menyalahi dari segi undang-undang hak cipta, maka ia juga sukar untuk menghentikan atau menangani masalah memuat turun secara suka hati yang berleluasa ini. Kajian ini juga menunjukkan fenomena bahawa segala sumber atau bahan yang terdapat dalam internet harus dibenarkan untuk memuat turun secara percuma dan secara *legal*.

Bagi hipotesis 3 ( $H_3$ ), pelajar IPT mempunyai keupayaan yang tinggi untuk memuat turun bahan digital yang diingini secara haram, ini terbukti benar.

Bagi hipotesis 4 ( $H_4$ ), iaitu tindakan memuat turun akan diteruskan walaupun diberitahu kegiatan tersebut adalah menyalahi undang-undang hak cipta adalah juga didapati benar.

Bagi hipotesis 5 ( $H_5$ ) iaitu tindakan memuat turun akan diteruskan walaupun berasa salah dan ia adalah bertentangan dengan pegangan prinsip dan moral sendiri juga didapati memang ada kebenarannya.

Kajian ini diharapkan boleh menyumbangkan idea kepada semua pihak yang berkenaan terutamanya dalam menghasilkan cara yang berkesan dalam menyalur atau memberikan pengetahuan terhadap undang-undang hak cipta yang lebih mendalam kepada golongan belia pada hari ini supaya berusaha dalam menangani fenomena memuat turun ini. Kajian yang akan datang mungkin boleh mengkaji tentang kesedaran maklumat tentang hak cipta yang disampaikan oleh mana-mana pihak dalam pelbagai saluran komunikasi.

### **Batasan kajian dan cadangan penambahbaikan**

Kajian ini didapati memiliki beberapa batasan. Limitasi kajian yang terbesar adalah batasan bahasa di mana pelbagai istilah yang ada dalam bahasa Inggeris adalah sukar untuk diterjemahkan kepada bahasa Melayu dan apabila diterjemahkan ia sukar difahami responden. Contohnya, ialah istilah "*piracy*". Ia adalah sukar untuk diterjemahkan kepada bahasa Melayu dengan ringkas dan jelas serta sukar diuraikan dalam penulisan. Ini membuat pengkaji terpaksa menghasilkan dua versi bahasa soal selidik supaya responden memahami sepenuhnya soalan.

Selain itu, kajian ini melibatkan terlalu banyak institusi pengajian tinggi dan menyebabkan purata bilangan universiti terutamanya universiti awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta tidak seimbang. Bilangan subjek kajian yang berada di Universiti Awam adalah lebih daripada IPTS dan ia juga susah untuk mendapatkan semua subjek kajian yang berlainan dari semua IPT di Malaysia.

Untuk menambahbaik kajian ini, pengkaji harus menentukan bilangan IPTA dan IPTS seimbang serta menentukan IPTA dan IPTS yang tertentu sahaja.

Oleh kerana soal selidik kajian ini adalah diedarkan melalui laman sesawang, tercetus masalah kutipan data yang tidak lengkap dan juga sistem internet menghadapi masalah teknikal yang menyebabkan beberapa data yang telah dikutip terhilang. Selain itu, edaran soal selidik yang menggunakan internet juga mudah diabaikan oleh responden dan menyebabkan responden yang sebanyak 400 orang sukar ditentukan dan menggunakan masa yang lama untuk mencapai jumlah tersebut.

Penyelesaian masalah ini bolehlah melalui penggunaan campuran kaedah kualitatif dan kuantitatif. Ini supaya boleh mendapatkan penemuan yang lebih mendalam. Dengan menggunakan kaedah turun padang dan atas talian proses mengutip data boleh diselesaikan dengan tempoh masa yang lebih singkat.

### **Cadangan kajian pada masa yang akan datang**

Kajian terhadap faktor mempengaruhi tingkah laku memuat turun boleh diperkembangkan lagi oleh penyelidik yang mahu membuat kajian tentang faktor mempengaruhi tingkah laku dengan memilih kaedah yang berbeza. Contohnya, melakukan kumpulan fokus atau menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif supaya boleh mendapatkan pandangan dan pendapat subjek kajian yang lebih mendalam.

Selain itu, kajian terhadap faktor mempengaruhi tingkah laku memuat turun juga boleh diperkembangkan lagi dengan mengkaji bagaimana faktor sosial akan mempengaruhi

masyarakat mempunyai tingkah laku memuat turun terutamanya pemikiran mereka terhadap kegiatan memuat turun bahan digital secara percuma.

Pengkaji juga boleh mengkaji dengan lebih mendalam tentang pengetahuan pengguna muda pada hari ini terhadap hak cipta dan pemahaman mereka terhadap kegiatan yang dikategorikan sebagai menyalahi undang-undang hak cipta. Di samping mengumpulkan cadangan yang lebih banyak dan berkesan tentang bagaimana untuk meningkatkan kesedaran kaum muda terhadap isu memuat turun yang melanggar undang-undang hak cipta dan bagaimana untuk meningkatkan pengetahuan mereka terhadap konsep hak cipta.

## RUJUKAN

- Ahmad, J 2009. Perhubungan Awam dan Teknologi Baru. *Jurnal Pengajaran Media Malaysia*. 11 (1): 9 - 20.
- Ali Acilar, 2010. Demographic Factors Affecting Freshman Students' Attitudes Towards Software Piracy: An Empirical Study. *Issue in Informing Science and Information Technology*. 7: 321 - 328.
- Al-Rafee, S, 2002. Digital Piracy: Ethical Decision-Making. Arkansas: University of Arkansas.
- Ang Yang Ang & Bruce W. N. Lo., 1998. Software Piracy Attitudes of Tertiary Students in Australia. *South East Asia Regional Computer Confederation (SEAECC98) Conference Proceedings*. Darwin Northern Territory: Australian Computer Society.
- Cronon, T. P. & Al-Rafee, S., 2008. Factors That Influence the Intention to Pirate Software and Media. *Journal of Business Ethics*. 78: 527-545.
- Dolfsma, W., Keuvelaar, W. & Schmidt, A., 2007. Fighting the War on File Sharing. The Hague: Asser Press.
- Green, S. P. 2002. Plagiarism, Norms, and the Limits of Theft Laws: Some Observations on the Use of Criminal Sanctions in Enforcing Intellectual Property Rights. *Hastings Law Journal*, 54 (1): 167-242.
- Hill, B. 2003. The Digital Streaming. New York: Routledge.
- Husted, B.W. 2000. The Impact of National Culture on Software Piracy. *Journal of Business Ethics*. 26: 197-211.
- Kin-wai Lau, E. 2006. Factors Motivating People Towards Pirated Software. *Qualitative Market Research: An International Journal*. 9(4):401-419.
- Lee, H. K. 2010. Cultural Consumer and Copyright: A Case Study of Anime Fansubbing. *Creative Industries Journal*. 3(3): 235-250.
- Marron, D. B. & Steel, D. G. 2000. Which Countries Protect Intellectual Property? The Case of Software Piracy. *Economy Inquiry*. 38: 159-174.

Mawhood, J. & Tysver, D. 2000. Law and Internet. *In Langford , D (Ed.) Internet Ethics*. New York: Macmillan. pg. 96-126.

Moiores, T. & Dhillon, G. 2000. Softward Piracy: A View from Hong Kong. *Communications of the ACM*. 43(12): 88-93.

Palfrey, J., Gasser, U., Simon, M. & Barnes, R.F. 2009. Youth, Creativity and Copyright in the Digital Age. *International Journal of Learning and Media*. 1(2): 79-97.

Veiksa, I. 2012. Is the Existing Concepts of Copyright Still Justified in the Information Society? *Current Issues of Business and Law*. 7(2): 248-262.

Zhili Liang & Zheng Yan. 2005. Software Piracy Among College Students: A Comprehensive Review of Contributing Factors, Underlying Processes And Tackling Strategies. *Journal Educational Computing Research*. 33(2): 115-140.